

# Pas dihalang beri bantuan

Kesal cubaan pihak tertentu dikatakan cuba politikkan isu banjir

■ W.SAIDATUL FADZILAH W.NAJEMUDIN

**KUALA TERENGGANU** – Jawatankuasa Operasi Banjir Pas Terengganu kesal dengan tindakan pihak tertentu yang menghalang pihaknya memberi bantuan kepada penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Gong Badak yang terperangkap dalam banjir beberapa hari lalu.

Pengarahnya, Dr

Azman Ibrahim berkata, bukan setakat dihalang, pihaknya turut diminta membuat surat permohonan rasmi terlebih dahulu sekiranya ingin memasuki kampus terbabit dalam operasi membantu dan menyelamatkan mangsa banjir.

Paling dikesalkan apabila Unit Amal Pas yang juga salah satu unit yang memberi kerjasama kepada jawatankuasa tersebut dituduh tidak memberi bantuan kepada penuntut

terbabit, sebaliknya disebut hanya Pemuda Umno yang membantu.

“Saya tak pasti benarkah Pemuda Umno telah membantu, tetapi faktanya Unit Amal Pas telah tidak dibenarkan masuk ke kawasan kampus serta asrama pelajar. Kalau nak masuk membantu, mesti kena buat surat permohonan rasmi dahulu.

“Nak tunggu surat dapat kelulusan, kalau orang lapar jadi kebulur dulu, kalau orang tenggelam jawabnya mati lemas dulu,” katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*, di sini.

Beliau berkata, tindakan tersebut seolah-olah memperlihatkan isu banjir dipolitikkan pihak tertentu sedangkan semua pihak perlu bersama-sama menangani musibah banjir yang melanda negeri ini.

Bagaimanapun, Azman yang juga Pengerusi Lajnah Kebajikan dan

Kemasyarakatan Pas Terengganu yakin gerak kerja yang dilakukan pihaknya melalui Unit Amal Pas dinilai oleh mereka yang melihat.

“Saya sebagai Pengarah Operasi Banjir Pas Terengganu di mana Unit Amal adalah satu daripada armada kami merakamkan ucapan penghargaan yang tak ternilai atas segala sumbangan bakti yang telah dihulurkan oleh Unit Amal dalam operasi bantuan dan menyelamatkan.

“Ia diakui oleh sesiapa sahaja yang melihat dengan mata, bukan melihat dengan kepala lutut. Kami akan terus berbakti kerana ALLAH tetapi fitnah juga perlu dijawab,” katanya.

**“ Saya tak pasti benarkah Pemuda Umno telah membantu tetapi faktanya Unit Amal Pas telah tidak dibenarkan masuk ke kawasan kampus serta asrama pelajar. Kalau nak masuk membantu, mesti kena buat surat permohonan rasmi dulu.” - Azman**

SINAR HARIAN 26/11/2014

**HEBAHKAN**  
AKTIVITI KOMUNITI ANDA  
wan.normi@sinarharian.com.my